

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]**

TARIKH : **30 OKTOBER 2014**
(KHAMIS)

SOALAN:

Datuk Mohd Idris bin Jusi

[Batu Pahat] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sejak bila Pintu Kawalan Air Pasang Surut di Kg. Sg. Bagan Laut telah rosak dan berapa luas tanaman sawit telah musnah serta berapa jumlah kerugian yang telah dialami oleh para pekebun. Berapa jumlah ganti-rugi dan pampasan yang telah diberikan kepada para pekebun kecil yang terlibat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pintu Air Kawalan Pasang Surut jenis *automatic flap gate* yang rosak tersebut telah dibina oleh pekebun-pekebun kecil yang mengusahakan tanaman kelapa sawit di luar kawasan Skim Saliran Rengit. Ban tanah juga telah dibina oleh pekebun-pekebun kecil bertujuan mengawal kemasukan air masin ke kawasan pertanian yang pada asalnya adalah kawasan zon penampakan. Pintu air dan ban tanah tersebut dibina tanpa menepati spesifikasi Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS).

Pintu air tersebut juga telah mengalami kerosakan manakala ban tanah tersebut kerap pecah menyebabkan kemasukan air masin tidak dapat dibendung dan menyebabkan pokok kelapa sawit rosak dan mati sejak tahun 2010.

JPS telah mengambil inisiatif mengagihkan sebahagian peruntukan penyelenggaraan daripada kawasan skim saliran yang telah diwartakan dan telah membina semula pintu air pada akhir tahun 2012 bagi menggantikan pintu air yang telah rosak tersebut.

Walau bagaimanapun, kemasukan air masin masih berlaku kerana ban tanah kerap pecah dan runtuh. Tiada peruntukan tahunan khusus disediakan bagi kawasan ini kerana ianya adalah di luar skim. Ban tanah yang pecah dan rosak telah dibaiki oleh JPS dari semasa ke semasa bergantung kepada peruntukan yang diterima.

Ganti rugi dan pampasan kepada para pekebun kecil yang terlibat adalah di luar tanggungjawab Kementerian ini.

Sekian, terima kasih.